

0562

U B261 AAB  
MAHATHIR-PREPADASA  
(EMBARGO) UNTUK DIGUNAKAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM)

I

KUALA LUMPUR, 1 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENKRIK NEGARA-NEGARA MAJU KERANA HALANGAN BERTERUSAN MEREKA TERHADAP USAHA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MEMPERBAIKI EKONOMI MEREKA.

KATANYA NEGARA-NEGARA ITU CUBA MENGHALANG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DENGAN MENGADAKAN RINTANGAN PERLIUNGAN YANG KERAP DENGAN PELBAGAI HELAH.

+NEGARA-NEGARA MEMBANGUN INGIN MENDAPAT LEBIH BANYAK PERDAGANGAN DAN BUKAN BANTUAN TETAPI RINTANGAN PERLINDUNGAN KERAP DIADAKAN TERHADAP EKSPORT KITA,+ KATA BELIAU PADA MAJLIS MAKAN NEGARA BAGI MERAIKAN PERDANA MENTERI SRI LANKA RANASINGHE PREPADASA DI SERI PERDANA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHA-USAHA NEGARA MEMBANGUN TERUS DIGANGGU OLEH KELAB +NEGARA-NEGARA KAYA+ NEGARA-NEGARA MAJU.

BELIAU MEMBERI SEBAGAI CONTOH KEMPEN YANG DILANCARKAN OLEH NEGARA-NEGARA ITU TERHADAP MINYAK SAWIT MALAYSIA DAN MINYAK SAYURAN TROPIKA LAIN. -- LAGI

1948MST 01 08 88

0567

U B263 AAB  
MAHATHIR-PREPADASA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA PRINSIP-PRINSIP PERDAGANGAN ADIL YANG MULA-MULA DISUARAKAN OLEH NEGARA-NEGARA MAJU ITU PATUT DIPEGANG DAN TIDAK HANYA CAKAP-CAKAP SAHAJA.

+POLISI MENGGANGGU NEGARA LAIN SESETENGAH NEGARA MAJU TIDAK MEMBERI MANFAAT KEPADA KEPENTINGAN SISTEM EKONOMI ANTARABANGSA.

+KETIDAKSTABILAN DALAM SISTEM ITU AKAN MENIMBULKAN KESAN YANG SERIUS KEPADA KESEJAHTERAAN MASYARAKAT DUNIA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA MAJU MESTI MEMAHAMI BAHAWA KESEJAHTERAAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN AKAN MENGUNTINGKAN EKSPORT DAN JUALAN BARANGAN KELUARAN KILANG MEREKA.

MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA, KATANYA MALAYSIA BERSEEDIA MEMPERLUASKAN PERTUKARAN DAN KERJASAMA DENGAN SRI LANKA YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN RAPAT DALAM BIDANG KEBUDAYAAN, PENGANGKUTAN LAUT DAN UDARA DAN PERDAGANGAN. -- LAGI

1956MST 01 08 88

0568

U B264 AAB  
MAHATHIR-PREPADASA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR GEMBIRA MALAYSIA DAN SRI LANKA MEMPUNYAI PANDANGAN YANG SAMA BERHUBUNG BEBERAPA ISU ANTARABANGSA DAN SERANTAU SEPERTI KONSEP ZON AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI, MASALAH AFGHANISTAN DAN KAMPUCHEA DAN PENYALAHGUNAAN DADAH.

BELIAU YAKIN LAWATAN ENCIK PREPADASA AKAN TERUS MEMPERKUKUKKAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA YANG SEDIA RAPAT ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

ENCIK PREPADASA DAN ISTERINYA TIBA DI SINI HARI INI UNTUK LAWATAN LIMA HARI. -- BERNAMA

1957MST 01 08 88

0686

R 0287 BAH  
MAHATHIR-PREMADESA 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA AMAL)

DALAM UCAPANNYA, ENCICK PREMADESA MEMUJI PERANAN MALAYSIA DALAM ASEAN DAN MEMBERI NEGARANYA CONTOH KEPIMPINAN BAGI KERJASAMA SERANTAU.

KATANYA SRI LANKA TELAH MENGIKUT JEJAK ITU DAN TELAH DAPAT MEMBENTUK SEBUAH PERTUBUHAN BAGI KERJASAMA SERANTAU DENGAN NEGARA-NEGARA SAHABAT DI ASIA SELATAN.

+SAYA BERHARAP KERJASAMA BERUPA AKAN DAPAT DIMUJUDKAN ANTARA PERTUBUHAN SERANTAU ITU BAGI MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA YANG ADA!+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA MALAYSIA KARANA SOKONGAN DAN BANTUAN YANG DIBERIKAN DAN BERHARAP LEBIH BANYAK HUBUNGAN EKONOMI AKAN DIADAKAN DI MASA DEPAN.

ENCICK PREMADESA BERKATA SRI LANKA TELAH MEMUJUDKAN ZON PENGALAKAN PELABURAN DAN MENGAJAK MALAYSIA MENYERTAI USAHASAMA-USAHAMA.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI LUAR DATUK ABU HASSAN OIAR, KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALEHUDIN MOHAMED DAN MENTERI PENGIRING DATUK TAJOL ROSLI GHAZALI. -- BERNAMA  
0015MST 02 08 88